

646:
MAHATHIR-UMNO

1976

PONTIAN KECIL, 11 MAC (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, MATLAMAT PENYERTAAN 30 PERATUS BUMIPUTRA DI BIDANG PERUSAHAAN NEGARA TIDAK MUNGKIN TERCAPAI JIKA MEREKA GAGAL MENGURUSKAN PERUSAHAAN YANG ADA SEKARANG.

+UNTUK MEMPERTAHANKAN KEDUDUKAN EKONOMI KITA HENDAKLAH TAHU MENGURUSKAN KEKAYAAN YANG ADA, + TEGAS BELIAU.

BERUCAP KEPADA AHLI-AHLI UMNO BAHAGIAN PONTIAN DI SINI PETANG INI, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, BUMIPUTRA MESTILAH SANGGUP MENGHADAPI BERBAGAI CABARAN DALAM PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN JIKA INGIN MAJU DI BIDANG EKONOMI.

TANPA KEKAYAAN EKONOMI DALAM NEGARA BUMIPUTRA TIDAK MUNGKIN DAPAT MEMPERTAHANKAN HAK-HAK MEREKA TERMASUK UGAMA, TAMBAH BELIAU.

BELIAU YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MENJELASKAN, KERAJAAN TIDAK AKAN MEMILIK-NEGARAKAN PERUSAHAAN ASING DAN SWASTA BAGI MENCAPAI MATLAMAT 30 PERATUS PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM TAHUN 1990. -- BERSAMBUNG 2050/ZCM

227

647:
MAHATHIR-UMNO 2 PONTIAN KECIL

SEBALIKNYA KERAJAAN MENGALAKKAN PELABURAN ASING DI NEGARA INI DAN SERENTAK DENGAN ITU MEMBERI BERBAGAI KEMUDAHAN PERNIAGAAN KEPADA BUMIPUTRA MELALUI BERBAGAI AJENSI KERAJAAN.

PIHAK-PIHAK SWASTA PULA TIDAK DIPAKSA MEMBERIKAN HAK PERKONGSIAN KEPADA BUMIPUTRA DI DALAM PERUSAHAAN MEREKA TETAPI GALAKAN MEMBUAT DEMIKIAN SUPAYA DAPAT MENGUJUDKAN PERIMBANGAN KAUM DALAM PERUSAHAAN.

KATANYA, KERAJAAN YANG DIPELUPORI OLEH UMNO SEJAK MERDEKA LAGI SENTIASA BERSIKAP ADIL.

BELIAU BERKATA INI JELAS DENGAN LAHIRNYA BARISAN NASIONAL IAITU GABUNGAN BERBAGAI PARTI YANG BERSATU DALAM KERAJAAN. -- BERSAMBUNG 2059/ZCM

648:
MAHATHIR-UMNO 3 PONTIAN KECIL

TERDAHULU DARI ITU, BERUCAP DI KILANG NENAS TANAH MELAYU DI PEKAN NENAS, SEMBILAN BATU DARI SINI, DR. MAHATHIR SELAKU Pengerusi FIMA MENGUMUMKAN, KILANG NENAS DI PULAI SEBATANG AKAN DITUTUP TERUS MULAI 1 APRIL DEPAN.

KILANG TERSEBUT TELAH DITUTUP SEMENTARA WAKTU KERANA KERUGIAN YANG DITANGGUNG OLEH PIHAK SYARIKAT BEBERAPA TAHUN LALU. TAHUN LALU KILANG TERSEBUT KERUGIAN SEBANYAK \$1.2 JUTA.

SEMENTARA ITU, KILANG NENAS DI PEKAN NENAS AKAN TERUS DIUSAHAKAN MEMANDANGKAN KEMAJUAN YANG DICAPAI. TAHUN LALU, KILANG ITU MENDAPAT KEUNTUNGAN SEBANYAK \$500,000.

TURUT HADIR DI KEDUA-DUA PERJUMPAAN ITU IALAH MENTERI KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN, DATO' ALI HAJI AHMAD, SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI JOHOR, DATO' HAJI ABDULLAH SUDIN DAN DATO' HAJI ELIAS UDIN, SELAKU WAKIL PERIBADI MENTERI BESAR JOHOR. -- BERNAMA 2108/ZCM